Pemahaman konsep kenegaraan perlu dipupuk, disebar luas di peringkat awal usia

Oleh Mahani Ishak - Ogos 7, 2024 @ 4:31pm
mahani@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pemahaman mengenai kenegaraan perlu dipupuk dan disebar luas pada peringkat awal usia bagi memastikan setiap warga negara mempunyai jati diri kukuh sekali gus membolehkan Malaysia kekal negara merdeka.

Timbalan Ketua Pengarah (Latihan) Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Datuk Ismail Yusop, berkata pembinaan negara bangsa juga penting bagi memastikan kepemimpinan yang ada dapat membuat keputusan mengenai negara sendiri.

"Kita sendiri menentukan negara merdeka yang bagaimana kita mahukan. Kalau kita tidak buat keputusan mengenai masa depan kita, orang lain akan 'design' (corakkan) masa depan kita.

"Bukan sahaja orang lain (buat keputusan), media sosial juga berupaya menentukan masa hadapan negara serta membentuk persepsi rakyat.

"Justeru, kita perlu memainkan peranan ini dengan menyebarluaskan maklumat mengenai kenegaraan supaya generasi masa depan mempunyai jati diri kuat dan mampu menjalankan hak (mengundi) dengan baik," katanya kepada NSTP, di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan sesi Bicara Eksekutif bertajuk Malaysia MADANI dan Negara Bangsa pada Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI (Korporat) anjuran Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Jabatan Perdana Menteri (PMO) Bersama Media Prima Berhad (MPB) di Auditorium MPB, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) yang juga Pengarang Berita Harian (BH), Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Timbalan Pengarang BH, M Thillinadan dan Ketua Seksyen Korporat Bahagian Latihan Eksekutif AKM, Ahmad Shukri Adnan.



Ahmad Zaini (dua kanan) bersama kakitangan Media Prima Berhad pada Seminar Kenegaraan Malaysia Madani anjuran Pejabat Perdana Menteri Akademi Kenegaraan Malaysia hari ini. - Foto NSTP/Rohanis Shukri

Seminar yang disertai 54 orang kakitangan MBP turut diisi dengan sesi Bicara Eksekutif yang disampaikan Ismail bertajuk Malaysia MADANI dan Negara Bangsa.

Sehubungan itu, Ismail menjelaskan, matlamat kerajaan MADANI menubuhkan AKM bertujuan mengarusperdanakan konsep kenegaraan itu kepada seluruh masyarakat terutama kepada generasi muda pewaris negara.

"Jadi jika semua pihak di peringkat kerajaan, swasta memainkan peranan untuk menyebarluaskan konsep Malaysia MADANI yang ditetapkan dalam modul kenegaraan, saya yakin ia dapat menjadikan Malaysia menjadi negara berdaulat, dihormati dan bermaruah seperti diimpikan barisan kepimpinan terdahulu.

"Paling penting pendekatan AKM bukan pendekatan doktrin kerana generasi sekarang hidup dalam suasana pendemokrasian maklumat (liberalization of information).

"Namun dalam keadaan sekarang, maklumat yang diperoleh perlu disaring kerana ada maklumat palsu terutama dari sosial media.

"Sebab itu pendekatan AKM kita mahu lebih menekankan 'engagement' dengan modul interaktif, teknologi, permainan kuiz seperti kahoot kerana orang tidak lagi suka perkara naratif dan syarahan panjang," katanya.

Pada masa sama, katanya, orang ramai juga perlu difahamkan konsep Malaysia MADANI bukan bertunjangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam perkembangan lain, katanya, AKM turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menggunapakai modul AKM dalam satu daripada lima kluster tumpuan mereka.

"Antara modul 'forte' kami ialah Malaysia Future Leaders School di mana pelajar Tingkatan Tiga diberi pendedahan dan disaring melalui tiga peringkat untuk kursus lima hari sebelum dipilih ke 'Malaysia Global Future Leaders'.

"Meskipun sistem pendidikan negara ini ada pendidikan sivil dan sejarah, tetapi ia tidak mencukupi untuk membina jati diri sebagai warga negara.

"Bagi saya, membina jati diri sangat penting, kerana jati diri bukan 'by chance' atau dipupuk pada semua orang. Generasi muda perlu memahami susur sejarah dan elemen ini kita terapkan dalam modul kenegaraan," katanya.



Antara kakitangan MPB yang menyertai Seminar Kenegaraan Malaysia MADANI (Korporat) anjuran Akademi Kenegaraan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. - Foto NSTP/Rohanis Shukri